



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI
Aras 12-14, Blok A
Menara Kinabalu
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU
Tel.: 088-368600, 368601



Bil. JPAN: 1000-9/159 JLD. 6 (47)

26 MAY 2025

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

**KENAIKAN PANGKAT SECARA FLEKSI DAN TIME-BASED BERASASKAN
KECEMERLANGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA NEGERI**

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa, semua Ketua Jabatan dikehendaki meneliti dan mengemukakan syor **Kenaikan Pangkat Secara Fleksi** untuk **Pegawai Tadbir, Gred N9** serta syor **Kenaikan Pangkat secara Time-Based Berdasarkan Kecemerlangan (TBK)** kali pertama dan kedua **Pegawai Kumpulan Pelaksana Perkhidmatan Gunasama** termasuk **Setiausaha Pejabat** dan **Penolong Setiausaha Pejabat** kepada jabatan ini setelah pegawai memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat dan kriteria kecemerlangan yang ditetapkan.

3. Pelaksanaan Kriteria Kenaikan Pangkat Jawatan Fleksi Gred 41/44 Kumpulan Pengurusan Dan Profesional adalah seperti di dalam surat rujukan JPAN:1000-9/159 Jld.4 (122) bertarikh 18 Disember 2023 dan Panduan Pelaksanaan Kenaikan Pangkat Secara Time Based Berasaskan Kecemerlangan Bagi Kumpulan Pelaksana adalah seperti di dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bilangan 6 Tahun 2018 bertarikh 28 November 2018.

.../2

“SABAH MAJU JAYA”

**KENAIKAN PANGKAT SECARA FLEKSI DAN TIME-BASED BERASASKAN
KECEMERLANGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA NEGERI**


4. Bersama-sama ini disertakan **Borang Penilaian Kecemerlangan Kenaikan Pangkat Secara Fleksi** seperti **Lampiran 1** yang disertakan untuk tindakan Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



[ZAINUDIN BIN AMAN]

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri

Salinan Kepada: YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu
88400 KOTA KINABALU

BORANG PENILAIAN KECEMERLANGAN KENAIKAN PANGKAT SECARA FLEKSI

A. Maklumat Pegawai				
Nama				
No. Kad Pengenalan				
Jawatan Dan Gred Hakiki				
Kementerian/Jabatan				
Laporan Nilai Prestasi Tahunan (3 tahun terkini)	Tahun			
	Markah			

B. Kriteria Kecemerlangan Pegawai Dalam Jawatan Dan Gred Sekarang (sekurang-kurangnya tiga (3) kriteria)			
Kriteria 1 - Senarai sumbangan pegawai kepada Perkhidmatan Awam Negeri (termasuk inovasi, idea atau penambahbaikan yang memberikan impak kepada proses kerja, kepuasan pelanggan, penjimatan kos dan sebagainya)			
Bil	Sumbangan	Agensi	Rujukan
Kriteria 2 - Pusingan kerja (bukan kerana kelemahan prestasi atau kekurangan pegawai)			
Bil	Penempatan Agensi/Bahagian/Unit	Tarikh	Rujukan
Kriteria 3 - Pakar bidang / penceramah / penulis / pembentang / penyelidik / perunding yang memberi impak kepada pembangunan jabatan/kementerian			
Bil	Aktiviti	Tarikh	Rujukan

Kriteria 4 – Pemudahcara / jawatankuasa / urus setia / setiausaha dalam simposium / seminar / kursus / persidangan			
Bil	Aktiviti	Peranan	Rujukan
Kriteria 5 - Aktiviti dan pengiktirafan Lain <i>(Sumbangan diluar tugas rasmi)</i>			
Bil	Aktiviti	Peranan	Rujukan
Kriteria 6 - Anugerah Kecemerlangan atau Keahlian Badan Profesional			
Bil	Anugerah / Keahlian	Rujukan	

C. Penilaian Penyelia

- i. Bahagian ini hendaklah diisi sendiri oleh penyelia langsung kepada pegawai;
- ii. Penilaian hendaklah dibuat dengan teliti dan berhati-hati berdasarkan kualiti sebenar pegawai;
- iii. Penilaian yang mengandungi maklumat palsu dan bersifat menyembunyikan fakta sehingga menyebabkan kekeliruan dalam pertimbangan oleh pihak yang memberikan kelulusan adalah merupakan kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 dan Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

Nama Penyelia

Jawatan Dan Gred Hakiki

Penilaian terhadap pegawai

Bil	Kriteria	Markah		
		Rendah	Sederhana	Tinggi
		(1 markah)	(2 markah)	(3 markah)
1	Mempunyai disiplin, teladan (<i>role model</i>) dan berketerampilan yang baik			
2	Mementingkan aspek kesegeraan dan proaktif dalam menyelesaikan tugas			
3	Mempunyai kebolehan dalam menyelia dan memberi bimbingan serta kesediaan untuk berkongsi			
4	Menunjukkan komitmen terhadap tugas dan bersedia menerima tanggungjawab tambahan			
5	Berfikiran positif dan mampu menyesuaikan diri dalam sebarang perubahan			
Jumlah Markah				

D. Pengesahan Ketua Jabatan / Ketua Bahagian

Saya dengan ini mengesahkan penilaian kecemerlangan yang dibuat oleh penyelia tersebut.

Ulasan (jika ada):

Tarikh:

.....
 (Tandatangan Ketua Jabatan)
 Cop Rasmi